

Main Teri: Warisan Perubatan Tradisional Dalam Kalangan Masyarakat Melayu

Nur Azzuwanie Razak
Nur Syahidatul Imani Khairol Anuar
Nurrussobah Hussin
Wan Satirah Wan Mohd Saman

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Main Teri merupakan perubatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Melayu khususnya di negeri Kelantan. Perubatan ini dipercayai telah diamalkan sejak zaman dahulu sehingga sekarang dan masih lagi menjadi pilihan masyarakat terutamanya dalam kalangan masyarakat melayu bagi mengubati penyakit yang tidak dapat dirawat dengan rawatan moden. Kajian ini dilakukan bagi mendokumentasikan sejarah warisan Main Teri yang dilihat semakin dilupakan. Satu sesi temu bual bersama Encik Abdul Wahab bin Othman telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat mengenai warisan Main Teri. Kajian ini bertujuan untuk mengelakkan warisan Main Teri daripada hilang ditelan zaman dan seterusnya dapat membuka mata semua pihak tentang pentingnya menjaga warisan turun temurun.

Kata kunci: Main Teri, perubatan tradisional, semangat spiritual, Kelantan, mantera

Pengenalan

Malaysia bukan sahaja sebuah negara yang kaya dengan pelbagai warisan adat dan budaya, malah memiliki kepelbagaian etnik dan agama. Warisan adat dan budaya ini kemudiannya dipecahkan kepada beberapa bahagian termasuklah warisan perubatan tradisi, makanan tradisi, seni pertahanan diri, permainan tradisi dan pelbagai jenis adat yang lain. Kepelbagaian etnik di Malaysia telah melahirkan pelbagai kaedah rawatan tradisional berteraskan kepercayaan dan kebudayaan sesebuah etnik tersebut. Meskipun setiap etnik mempunyai perbezaan dalam adat dan

budaya, masyarakat majmuk di Malaysia dilihat mampu bertolak ansur dan menghormati perbezaan budaya di antara satu sama lain. Dalam perubatan tradisonal khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu, unsur-unsur seperti adat, agama, spiritual dan magis dilihat menjadi tonggak utama kepada sesebuah rawatan. Unsur-unsur ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila rawatan penyakit seperti gangguan makhluk halus. Bomoh dan pawang memiliki kedudukannya yang tersendiri dalam kalangan masyarakat Melayu khususnya di kawasan yang kurang membangun. Bagi mereka tidak semua penyakit mampu disembuhkan dengan rawatan moden. Justeru itu, khidmat bomoh dan pawang seakan akan wajib bagi masyarakat Melayu sebagai rawatan alternatif.

Amalan perubatan tradisional Melayu yang popular ialah Main Teri, mak yong, kuda kepang dan ulik mayang. Main Teri merupakan perubatan tradisional Melayu yang popular di negeri Kelantan kerana dipercayai mampu menyembuhkan pesakit daripada penyakit dalaman seperti lemah semangat dan gangguan makhluk halus. Main Teri adalah perubatan tradisonal yang telah wujud berabad lamanya sebelum kedatangan Islam. Pertembungan agama Hindu dan Buddha serta pengaruh animisme sebelum kedatangan Islam telah menyebabkan unsur-unsur ini diserap di dalam perubatan tradisional masyarakat Melayu (Azlina dan Yusmilayati, 2011).

Menurut Razali (1999), perubatan tradisional Melayu dilakukan bagi tujuan menyembuhkan penyakit yang disebabkan oleh semangat jahat atau elemen makhluk halus yang memasuki tubuh badan manusia. Namun begitu, lain hal pula dengan pengamal perubatan moden yang berpendapat bahawa penyakit yang dihadapi oleh seseorang itu berpunca daripada virus dan bakteria. Perbezaan pendapat di antara pengamal perubatan moden dan pengamal perubatan tradisional telah menjadi pemangkin kurangnya penyelidikan secara terperinci dalam perubatan alternatif ini.

Kaedah kajian

Kaedah kajian yang digunakan bagi menyiapkan tugas ini adalah berbentuk temubual bersama Encik Encik Abdul Wahab bin Othman iaitu adiguru atau tenaga pengajar di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci berkenaan tajuk yang telah dipilih iaitu

warisan Main Teri. Temubual ini dijalankan pada 26 Oktober 2018 iaitu pada hari Jumaat dan mengambil masa lebih kurang dua jam setengah. Sesi temubual tersebut dijalankan dengan menyediakan sebanyak lebih 100 soalan berkaitan dengan tajuk pilihan. Soalan-soalan tersebut telah dijawab oleh tokoh dengan terperinci tentang Main Teri itu sendiri. Temubual ini telah dirakam dan ditranskripkan di dalam bentuk buku untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Selain itu, hasil daripada pembacaan serta kajian artikel-artikel terdahulu berkenaan tajuk ini juga digunakan sebagai salah satu kaedah dalam penghasilan tugas ini.

Latar belakang main teri

Terdapat pelbagai pendapat mengenai latar belakang main teri. Main Teri dikatakan berasal dari istana dan berada di bawah naungan raja (Jabatan Muzium Malaysia, 2013). Pada zaman dahulu, perubatan Main Teri ini hanya dibenarkan kepada golongan raja sahaja. Namun begitu, perubatan ini telah tersebar luas dalam kalangan rakyat biasa juga bertujuan untuk mengubati penyakit berkaitan jiwa, angin dan semangat (Maniyamin Ibrahim 2009:236). Terdapat pelbagai pendapat mengenai asal usul Main Teri ini. Ada yang berpendapat bahawa Main Teri telah bermula sejak zaman cucunda Nabi, iaitu Hassan dan Hussein dan perkataan "Teri" itu telah merujuk kepada puteri Nabi, iaitu Siti Fatimah. Selain itu, ada juga pendapat mengaitkan Main Teri dengan Puteri Saadong iaitu seorang tokoh legenda negeri Kelantan (Rahimidin Zahari, 2007).

Main Teri juga dikenali dengan nama lain seperti Main Puteri dan Main Pateri. Menurut Abdul Wahab (2018), Main Pateri ialah mempaterikan sesuatu yang telah patah atau menyambung sesuatu yang putus agar kembali kepada bentuk asal yang sempurna. Manakala Azlina dan Yusmilayati (2011) pula berpendapat bahawa Main Teri merupakan salah satu upacara perubatan tradisional yang masih lagi dilakukan iaitu *medico-theatrical-ritual*. Maksud *medico-theratical-ritual* ialah situasi ibarat drama bagi tujuan perubatan, iaitu untuk menyembuhkan masalah jiwa atau penyakit dalam seperti penyakit psikosomatik. Penyakit angin, gangguan jiwa, lemah semangat dan rasukan makhluk halus adalah antara penyakit yang diubati melalui perubatan tradisional Main Teri (Abdul Wahab, 2018).

Abdul Wahab (2018) ada menyatakan masyarakat dahulu percaya bahawa disetiap anggota pada tubuh badan manusia mempunyai penunggunya yang tersendiri dan mempunyai angin yang ditanggung. Oleh itu, tujuan Main Teri diadakan ialah untuk menghalau makhluk halus yang sering mengganggu di dalam tubuh badan manusia. Kaedah perubatan tradisional Main Teri ialah 'perjanjian' di antara bomoh Main Teri dan makhluk halus. Para pengkaji percaya gaya dan cara si bomoh, iaitu Tok Teri, mengeleng-gelengkan kepala dan punggung sebelum dirasuk makhluk halus adalah berkemungkinan sebagai amaran atau ingin menakut-nakutkan kuasa ghaib agar tidak mengganggu pesakit itu lagi (Firth, 1976; dan Kessler, 1977).

Dewasa ini, perubatan tradisional Main Teri dilihat kurang mendapat sambutan kerana perubatan moden lebih diterima secara meluas bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Malaysia, bahkan diterima secara meluas di seluruh dunia. Masyarakat lebih memilih perubatan moden kerana mempunyai kajian yang lebih teliti. Masyarakat moden sekarang lebih memilih untuk mendapatkan rawatan perubatan moden kerana rawatan ini lebih mudah untuk didapati dimana-mana sahaja termasuk di kawasan pedalaman. Kos rawatan moden juga ditawarkan pada harga berpatutan berbanding dengan perubatan tradisional Main Teri yang memerlukan banyak proses sebelum, semasa dan selepas rawatan.

Cara perubatan tradisional main teri

Tok Teri dan Tok Minduk merupakan watak utama dalam perubatan Main Teri. Perubatan Main Teri ini akan diketuai oleh Tok Teri yang akan bertindak sebagai pengantara diantara kuasa ghaib dengan pesakit selain memainkan peranan sebagai ketua bagi sesebuah kumpulan Main Teri (Abdul Wahab, 2018). Tok Minduk pula merupakan pembantu kepada Tok Teri sepanjang perubatan main teri ini dijalankan. Disamping Tok Teri dan Tok Minduk, sesebuah kumpulan Main Teri juga memerlukan iringan muzik sepanjang proses rawatan. Menurut Abdul Wahab (2018), kumpulan yang bermain alat muzik ini dikenali sebagai Awak-awak yang terdiri daripada lapan hingga sembilan orang yang mahir bermain pelbagai jenis alat muzik.

Menurut Aishah (2010) setiap pukulan alat muzik mempunyai maksudnya yang tersendiri. Sebagai contohnya pukulan gendang merupakan simbolik kepada penyakit supaya hilang dari badan pesakit, manakala

gesekan rebab pula merupakan simbolik kepada panggilan kepada penawar penyakit. Terdapat pelbagai alat muzik yang digunakan sepanjang perubatan ini, tetapi yang paling utama ialah rebab, gendang ibu, gendang anak, gonggong ibu, gonggong anak, tetawak dan kesi. Menariknya perubatan Main Teri ialah ianya dilakukan di kawasan terbuka yang membolehkan orang ramai menyaksikan secara langsung semasa perubatan ini dijalankan. Sekiranya terdapat permintaan daripada pesakit, barulah upacara ini dijalankan di rumah pesakit seperti yang diminta oleh pesakit itu sendiri (Abdul Wahab, 2018).

Berpandukan kepada Abdul Wahab (2018), tidak ada sebarang had umur bagi menyaksikan perubatan Main Teri tetapi ibu bapa hendaklah memantau anak-anak mereka. Kebiasaannya perubatan main teri akan dilakukan pada sebelah malam iaitu selepas waktu isyak dan berakhir kira-kira jam 1 pagi (Nur Aqidah dan Mardiana Idayu (2013). Setiap sesi perubatan Main Teri akan mengambil masa kira-kira 2 jam dan bergantung kepada keadaan pesakit itu sendiri. Sekiranya pesakit tidak sembuh dengan hanya satu sesi rawatan, perubatan ini boleh berlanjutan sehingga dua hingga tiga malam berikutnya. Azlina dan Yusmilayati (2011) menjelaskan bahawa perubatan tradisional ini juga memerlukan keserasian di antara Tok Teri dan juga pesakit.

Sebelum perubatan Main Teri ini dijalankan, sebuah pentas atau bangsal akan didirikan. Pentas ini akan dihiasi dengan sehelai kain yang berwarna kuning atau putih yang digantung pada langit pentas tersebut. Kain ini dikenali sebagai kain lelangit (Nur Aqidah dan Mardiana Idayu, 2013). Kain ini kemudiannya akan dihiasi dengan bunga yang berwarna terang dan berbau harum. Sesiapapun tidak dibenarkan untuk melalui atau berada di bawah kain lelangit ini sepanjang perubatan main teri berlangsung. Hal ini kerana masyarakat dahulu percaya bahawa kain lelangit ini merupakan tempat perantaraan atau tempat laluan untuk mahluk ghaib memasuki badan pesakit (Aishah dan Abdul aziz, 2012).



Rajah 1: Gambar menunjukkan contoh kain lelangit yang dipasang pada bumbung pentas semasa perubatan main teri.

Perubatan Main Teri juga memerlukan bahan-bahan yang tersendiri. Bahan-bahan tersebut dikenali sebagai makanan yang akan diletakkan di dalam sebuah talam besar yang mengandungi pulut kuning, telur rebus, segelas air, bertih, dan beras. Talam ini kemudiannya akan diletakkan di bawah kain tabir lelangit sebagai hidangan kepada makhluk halus. Talam yang kedua pula mengandungi semangkuk pulut, segelas air dan rokok (Abdul wahab, 2018). Air yang terdapat di dalam talam ini biasanya diletakkan sedikit pewangi atau bunga- bunga sebagai aromaterapi sepanjang proses perubatan Main Teri ini dijalankan.



Sumber: Azlina dan Yusmilayati

Rajah 2: Talam yang diletakkan di bawah kain tabir lelangit

Semasa upacara ini dijalankan, Tok Teri akan naik ke pentas sambil membaca doa-doa tertentu dan selawat. Kedudukan Tok Teri ketika di dalam pentas hendaklah menghadap ke arah matahari naik dan membelakangi matahari turun, manakala kedudukan Tok Minduk pula mestilah menghadap ke arah matahari jatuh dan membelakangi matahari naik. Awak-awak pula mestilah berada di sebelah kiri pentas dan kaki pesakit pula mestilah dihulurkan ke arah Awak-awak. Tok Minduk selaku pembantu kepada Tok Teri akan mula mengesek rebabnya bagi memastikan semangat Tok Teri sentiasa berterusan.

Kemudian, beberapa mantera akan dibaca sebagai simbolik kepada upacara buka panggung. Kebiasaannya mantera-mantera ini didalam bahasa Kelantan-Pattani. Tok Teri akan beinteraksi dengan Tok Minduk bagi menaikkan semangat Tok Teri. Selepas semangat Tok Teri telah naik, pesakit akan dipanggil masuk ke dalam pentas. Bagi mengetahui angin pesakit, Tok Teri akan membaca beberapa mantera. Antara mantera yang dibaca ialah 'Isih Dua Belas Raja' yang mempunyai angin-angin yang tersendiri. Pesakit biasanya akan bertindak balas dengan salah satu isih tersebut dan Tok Teri akan melayan angin pesakit sehingga pesakit merasa puas. Sekiranya pesakit mempunyai angin pahlawan, pesakit akan bangun dan bersilat dengan tok teri.

Iringan muzik akan berterusan sepanjang proses perubatan ini diselang selikan dengan mantera yang dibaca oleh Tok Teri dan komunikasi dua hala diantara Tok Teri dan Tok Minduk. Dahulunya terdapat pelbagai lagu-lagu yang dinyanyikan dalam perubatan tradisional Main Teri ini, namun kini tidak sampai 10 buah lagu yang dimainkan. Antara lagu-lagu tersebut ialah Lagu mengulit, lagu Pendekar, Kijang Emas, lagu Cik Muda, dan lagu Menora (Rasdan Ahmad, 2015).

Simbolik bahan-bahan yang digunakan

Menurut Aishah@Eshah (2012), setiap bahan atau tumbuhan yang digunakan dalam Main Teri mempunyai simbolik atau maksudnya yang tersendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana Main Teri dianggap berkemampuan atau berkebolehan dalam membantu bomoh atau dalam konteks Main Teri ialah Tok Teri dalam mengubati serta mengeluarkan penyakit daripada tubuh badan pesakit. Malahan dianggap sebagai salah

satu bahan untuk persembahan kepada makhluk ghaib dalam Main Teri itu sendiri. Antara bahan atau tumbuhan yang digunakan dalam Main Teri ialah padi, sirih, pinang, kunyit, kemenyan, bunga cempaka, bunga kenanga, bunga tanjung, bunga melor dan kelapa.

Sebagai contoh menurut beliau, padi atau beras digunakan sebagai satu bentuk pemberian makanan bagi menunjukkan rasa hormat manusia kepada makhluk ghaib. Malahan pulut kuning atau dikenali sebagai pulut semangat dalam upacara ini telah dikaitkan dengan ikatan perjanjian antara Tok Teri dengan makhluk ghaib agar tidak mengganggu pesakit tersebut hingga ke akhir hayat pesakit tersebut kerana simboliknya pulut semangat ini yang bersifat melekat-lekat antara sama lain yang sukar dipisahkan. Malahan warna beras dan pulut semangat juga memberi makna yang sangat penting kerana warna putih beras bermaksud kebersihan dan keikhlasan hati manakala warna kekuningan pulut semangat pula bermaksud kebesaran dan keistimewaan.

Bunga-bunga seperti bunga cempaka, bunga kenanga, bunga tanjung dan bunga melor pula antara bunga yang sering digunakan dalam perubatan atau upacara tradisional kerana dianggap bau yang harum dan wangi dari bunga-bunga tersebut mampu menarik serta disukai oleh makhluk ghaib apabila bunga-bunga ini digantung di kawasan langit dan kawasan perubatan dijalankan. Selain itu, bunga-bunga ini juga diletakkan di dalam bekas air yang digunakan oleh Tok Teri untuk membasuh muka dan leher semasa upacara bagi menyegarkan serta menguatkan tubuh badan Tok Teri kerana bau bunga yang wangi dan harum tersebut.

Menurut beliau juga penggunaan kemenyan adalah berupaya untuk berhubung atau digunakan untuk memanggil malaikat untuk turut serta berupaya membawa permohonan bomoh terus kepada Tuhan. Kelapa pula digunakan sebagai bahan persembahan dan hiasan kerana para bomoh mengatakan bahawa kelapa merupakan buah ajaib bagi mereka yang dikaitkan dengan fitrah semula jadinya iaitu memiliki tiga mata dan air yang boleh diminum. Oleh itu, kelapa dikatakan berupaya melindungi penggunaannya serta berupaya mengeluarkan unsur-unsur negative dalam diri pesakit seperti racun atau sesuatu yang kotor.

Kepentingan warisan main teri

Terdapat pelbagai kepentingan warisan Main Teri ini kepada generasi muda dan kepada negara terutamanya bagi masyarakat Melayu, antaranya ialah bagi mengetengahkan Main Teri sebagai salah satu perubatan alternatif yang boleh dijadikan pilihan pada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana pada zaman dahulu Main Teri merupakan satu kaedah perubatan yang penting dalam bidang perubatan kerana kurangnya kesedaran tentang perubatan moden serta kurangnya orang yang berkebolehan terhadap perubatan berdasarkan Sains. Malahan, penduduk atau masyarakat zaman terdahulu yakin dengan perubatan tersebut sehinggakan melupakan atau melanggar syarak-syarak Islam. Walaubagaimanpun, masyarakat kini boleh menjadikan warisan Main Teri ini sebagai salah satu kaedah, cara atau ikhtiar mereka bagi menyembuhkan penyakit yang menemui jalan buntu atau penyakit yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Dengan kata lain, ikhtiar yang boleh dilakukan oleh masyarakat sebagai pengganti kepada perubatan yang sedia ada.

Selain itu, melalui warisan Main Teri ianya membolehkan masyarakat mengetahui dengan lebih jelas tentang warisan tersebut kerana warisan ini merupakan satu warisan yang unik dan amat menarik. Malahan menurut Abd. Wahab bin Othman (2018), pada zaman terdahulu Main Teri dianggap sebagai pokok persembahan. Dengan kata lain permulaan atau perasmian sesebuah upacara yang lain. Sebagai contoh, upacara Main Teri ini perlu dipersembahkan terlebih dahulu sebelum diikuti dengan upacara lain seperti silat, Mak Yong dan sebagainya. Namun begitu, generasi muda masa kini kebanyakannya atau majoriti tidak mengetahui apa itu Main Teri dan tujuan warisan itu dipersembahkan atau dilakukan pada zaman dahulu.

Tambahan pula, warisan Main Teri ini bagi menunjukkan keindahan seni warisan ini melalui ucapan yang digunakan, perbuatan iaitu tarian yang dilakukan dan muzik atau nyanyian yang digunakan dalam satu-satu persembahan Main Teri itu sendiri. Hal ini demikian dapat dilihat melalui keindahan dari segi mantera atau ucapan-ucapan khusus untuk Main Teri kerana mantera bagi setiap kumpulan Main Teri adalah berbeza mengikut pembelajaran yang mereka belajar. Sebagai contoh, jika guru yang mengajar tersebut adalah berasal dari Thailand maka akan terdapatlah unsur-unsur

Thailand dalam ucapan atau mantera yang diucapkan. Begitu juga jikalau seseorang guru itu berasal atau berdarah Jawa maka aka nada unsur bahasa Jawa dalam mantera yang akan diajar.

Pengharaman main teri dan penglibatan unesco

Pada tahun 1991, menurut Aziz dan Iskandar (2011) Main Teri ini telah diharamkan oleh kerajaan Kelantan kerana mempunyai elemen animism yang kuat (Azlina dan Yusmilayati, 2011). Walaubagaimanapun, menurut Ad. Wahab (2018), upacara Main Teri masih lagi boleh diteruskan tetapi para pengamal perlulah melakukan atau mengadakannya secara bersyarat. Beliau mengatakan bahawa perkara ini berlaku disebabkan oleh ada sesetengah pihak yang mengambil kesempatan ke atas upacara yang dijalankan. Pihak-pihak tersebut menggunakan atau menjadikan upacara Main Teri sebagai satu hiburan berbentuk nyanyian dan tarian. Oleh itu, kerajaan Parti Se-Islam Malaysia (PAS) telah mengambil langkah supaya upacara ini dijalankan dengan kawalan yang ketat dengan kerjasama pihak polis. Syarat yang dikenakan ialah para pengamal perubatan tersebut perlulah mendapatkan kebenaran daripada Bomoh Diraja Kelantan melalui surat kebenaran sebelum memulakan upacara agar pihak berkuasa seperti pihak polis dapat melakukan pemantauan.

Menurut Azar (2017) di dalam artikelnya yang bertajuk “Dah 26 Tahun Pas Haramkan Tarian Ni, Tapi Kenapa Unesco Masih Bagi Pengiktirafan?”, mengatakan bahawa setelah 26 tahun pengharaman kerajaan Kelantan kepada Main Teri dan beberapa kesenian lain seperti Mak Yong, Wayang Kulit dan Menora kerana didakwa mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan akidah, seperti pemujaan. Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO) telah menggesa kerajaan Kelantan supaya menarik balik larangan persembahan tarian Mak Yong dan lain-lain seni tradisional Melayu di negeri itu. Hal ini demikian bagi mengangkat warisan atau kesenian tersebut di mata dunia dan pada 2005 hanya warisan Mak Yong yang diiktiraf oleh UNESCO sebagai warisan tidak ketara (intangible heritage).

Kesimpulan

Warisan-warisan dan kesenian budaya negara seperti Main Teri, Mak Yong, Wayang Kulit dan lain-lain hendaklah dijaga dan dipelihara serta dipertontonkan kepada generasi muda. Hal ini kerana generasi muda pada masa kini dilihat tidak berminat dengan warisan nenek moyang mereka. Perkara ini amatlah rugi jika warisan nenek moyang ini tidak dipelihara sebaik mungkin kerana pastinya warisan yang kian dilupakan ini akan menjadi salah satu sejarah atau warisan negara yang sangat bermakna dan mempunyai nilai yang tidak terhingga suatu hari nanti.

Oleh itu, pendekatan seperti melakukan persembahan atau pementasan berkenaan warisan sebagai contoh warisan Main Teri. Walaubagaimanapun, pementasan tersebut perlulah menjaga adab dan batas antara pelakon-pelakon agar dapat meminimalkan atau bagi menunjukkan bahawa pementasan ini dapat dilakukan tanpa melanggar sebarang syarak-syarak Islam. Dengan cara ini, bukan sahaja Main Teri dapat diperkenalkan kepada generasi muda dan masyarakat Melayu yang semakin moden mengikut arus semasa sehingga melupakan warisan yang patut dipelihara, tetapi juga sekali gus dapat mempertontonkan keindahan dan keunikan warisan ini bukan sahaja di dalam negara malahan di mata dunia. Malahan mampu menjadi salah satu tarikan pelancongan kerana keunikan budaya tradisional kita, misalnya persembahan teater tradisional seperti bangsawan dan Mak YOog dan tarian seperti kuda kepang dan gawai. Banyak pelancong mengunjungi Malaysia kerana ingin mendekati corak hidup dan kebudayaan kita.

Rujukan

Aishah Haji Mohamed, A Aziz Bidin (2006) Tumbuhan ubatan dan kesihatan reproduksi wanita.

Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia 20, 67-84.

Aishah Haji Mohamed, A Aziz Bidin (2010) Kepercayaan, tumbuhan ubatan dan orang Melayu.

Manusia dan Masyarakat 19, 70 – 84.

- Azlina Musa dan Yusmilayati Yunos, "Simptom-simptom Penyakit dalam Main Teri: Satu Kajian Kes di Kampung Pasir Mas, Kelantan" dlm. *Jurnal Melayu*, 8, 233-49, 2011.
- Firth, R. (1976). "Faith and Scepticism in Kelantan Village Magic" dalam W. Roff [ed]. *Kelantan, Religion, Society, and Politics in the Malay Society*. Kuala Lumpur: Columbia University Press.
- Jabatan Muzium Malaysia, (2013). *Sejarah Main Pateri*. Main Peteri – Jabatan Muzium Malaysia (Laman Web).
<http://www.jmm.gov.my/ms/main-peteri>. (Capaian 11 Februari 2013)
- Maniyamin Ibrahim. 2009. *Konteks Sastera dan Budaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Nur Aqidah A.Aziz dan Mardiana Idayu Ahmad, "Main Pateri dan Persekitan Fizikal: Kajian Kes di Kampung Jedok, Ayer Lanas, Kelantan" dlm. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 6, Bil 2, 2013
- Razali, S.M., "Conversion Disorder: A Case Report of Treatment with the Main Pateri, a Malay Shamanastic Healing Ceremony" dlm. *Eur Psychiatry*, 14, 470-72, 1999.
- Rasdan Ahmad, (2015). *Petronas hidupkan Main Puteri*. (Laman Web).
<http://www.jkkn.gov.my/en/petronas-hidupkan-main-puteri> (Capaian 9 November 2018)
- Rahimidin Zahari, (2007). Main Teri diancam kepupusan. (Laman Web)
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1122&sec=Sastera&pg=sa_01.htm (Capaian 7 November 2018)
- Temubual dengan Encik Abdul Wahab bin Othman di ASWARA (Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan), Kuala Lumpur, Malaysia: 26